

*326*

**SOALAN NO. 527**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]**

**TARIKH : -**

**SOALAN : 527**

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian untuk bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain bagi mengatasi masalah mental yang semakin membimbangkan di Malaysia

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara kolaborasi yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dan kementerian - kementerian lain bagi mengatasi masalah kesihatan mental di Malaysia adalah seperti berikut:

- a) Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja melalui Program Minda Sihat Sekolah yang telah bermula sejak tahun 2011. Melalui program ini, sebanyak 2343 buah sekolah menengah seluruh negara terlibat dalam

pelaksanaan saringan minda sihat dalam kalangan pelajar. Impak daripada program ini, modul intervensi serta program pencegahan dihasilkan bagi meningkatkan kemahiran gaya daya tindak (coping skill) pelajar apabila berhadapan sesuatu masalah termasuk kejadian buli. Selain daripada itu, pelajar yang dikenal pasti mempunyai tanda tanda awal masalah kesihatan mental hasil daripada saringan minda sihat ini akan diberi intervensi bersesuaian oleh kaunselor sekolah dan sekiranya terdapat keperlauan dirujuk ke fasiliti kesihatan yang berdekatan setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa dan penjaga.

- b) Kementerian Kesihatan juga dalam usaha mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk melaksanakan saringan minda sihat bagi pelajar kolej komuniti. Usaha ini diharap dapat memberi pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mental selain mengenalpasti pelajar yang mungkin mengalami masalah kesihatan mental.
- c) Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan sokongan dari Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengambil inisiatif membangunkan Pelan Tindakan dan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*) yang menggariskan lapan (8) skop utama bagi menangani tingkah laku bunuh diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Salah satu skop terdiri daripada kerjasama di antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

- d) Aktiviti-aktiviti promosi bagi menambah kesedaran awam telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia termasuklah ;

Sambutan Hari Cegah Bunuh Diri Sedunia , Seminar "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" yang dilaksanakan secara berkala yang melibatkan pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Tinggi Persekutuan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, (APAM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).